

LAKUAN BAHASA DALAM KOMUNIKASI KUMPULAN KECIL

NURUL AFIFAH ADILA MOHD SALLEH
MASLIDA YUSOF
KARIM HARUN

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2024
www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
PERCETAKAN INFO MEDITASI SDN. BHD.
No. 25, Jalan Balakong Jaya 1, Taman Industri Balakong Jaya,
43300 Balakong, Selangor D.E., MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
ISBN 978-629-486-314-9

Kandungan

Senarai Jadual dan Rajah ... 7

Prakata ... 9

BAB 1 Komunikasi Berkumpulan ... 11

BAB 2 Komunikasi Kumpulan Kecil Pelajar dan Organisasi ... 17

BAB 3 Lakuan Bahasa dalam Komunikasi ... 34

BAB 4 Lakuan Bahasa dalam Komunikasi Kumpulan Kecil ... 47

BAB 5 Lakuan Bahasa dalam Kumpulan Kecil yang Berjaya ... 71

BAB 6 Strategi dan Fungsi Lakuan Bahasa dalam Komunikasi
Kumpulan Kecil ... 128

BAB 7 Lakuan Bahasa dalam Komunikasi Ketua Kumpulan ... 152

BAB 8 Panduan Lakuan Bahasa dalam Komunikasi Kumpulan
Kecil ... 190

Rujukan ... 201

Indeks ... 211

Prakata

Buku ini asalnya merupakan sebuah penyelidikan tesis Doktor Falsafah yang bertajuk *Pola dan Strategi Lakuan Bahasa dalam Perbincangan Kumpulan Kecil* dan kemudiannya telah diolah dan disusun menjadi sebuah buku yang bertajuk *Lakuan Bahasa dalam Komunikasi Kumpulan Kecil* dan diterbitkan sebagai bahan bacaan ilmiah. Buku ini membincangkan peranan dan strategi lakuan bahasa yang memberi sumbangan kepada kejayaan perbincangan sebuah kumpulan kecil. Komunikasi kumpulan kecil ialah perbincangan berkumpulan yang melibatkan beberapa orang ahli. Kumpulan kecil sering dibentuk dalam kalangan pelajar atau organisasi apabila perlu membincangkan sesuatu tugas dan mengambil keputusan tentang sesuatu perkara. Setiap ahli kumpulan mempunyai peranan dan tanggungjawab terhadap kumpulannya untuk memastikan kejayaan kumpulan mencapai matlamatnya. Faktor masa dan lekas bosan menjadi alasan mengapa pelajar tidak berminat untuk melibatkan diri dalam perbincangan kumpulan kecil. Selain itu, terdapat juga pelajar yang tidak mahir berkomunikasi dan lebih gemar mendiamkan diri sepanjang perbincangan berlangsung. Hal ini berlaku kerana masalah penggunaan bahasa ketika berkomunikasi yang mengakibatkan proses komunikasi kumpulan kecil menjadi terganggu dan tidak lancar. Kejayaan sebuah kumpulan kecil secara umumnya dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti persediaan sebelum perbincangan, kemahiran bersosial, penglibatan menyeluruh oleh semua ahli, penguasaan topik perbincangan, saiz kumpulan yang ideal, semangat berpasukan, kerjasama yang tinggi dan pelbagai lagi. Namun, Khairulhelmi Katip et al. (2015) menyatakan bahawa bahasa memainkan peranan dalam menyumbang kepada kejayaan sebuah perbincangan berkumpulan. Satu daripada strategi penggunaan bahasa ialah lakuan bahasa. Lakuan bahasa seperti meminta, mengesahkan, menolak, berjanji, dan menerima mempunyai fungsi dalam komunikasi kumpulan kecil. Justeru, buku ini bertujuan menganalisis penggunaan lakuan bahasa dalam perbincangan kumpulan kecil berdasarkan Teori Lakuan Bahasa oleh Bach dan Harnish. Buku ini turut membincangkan hubungan lakuan bahasa dengan komunikasi kumpulan kecil. Buku ini membuktikan bahawa lakuan bahasa sememangnya memainkan peranan

dan memberikan pengaruh kepada sebuah kumpulan kecil. Kumpulan kecil yang berjaya ialah kumpulan yang dapat mencapai objektif perbincangan dan mematuhi masa yang diberikan. Ahli kumpulan kecil perlu mahir berkomunikasi iaitu memilih lakuan bahasa yang sesuai dengan konteks dan dapat difahami dengan jelas niat pengujarannya oleh ahli-ahli kumpulan yang lain. Peranan ketua kumpulan dan ahli biasa dalam perbincangan berkumpulan juga mempunyai hubungan dengan lakuan bahasa. Peranan ketua dan ahli biasa sememangnya dapat mencorak lakuan bahasa yang digunakan. Ketua kumpulan lebih cenderung menggunakan lakuan bahasa direktif iaitu arahan dan jenis lakuan bahasa yang lain yang menunjukkan pengaruhnya sebagai ketua. Manakala ahli biasa pula bebas menggunakan apa jua jenis lakuan bahasa, namun bagi jenis lakuan bahasa direktif perlulah terkawal. Secara tidak langsung, buku ini membuktikan bahawa kejayaan sesuatu komunikasi kumpulan kecil berkait rapat dengan pemilihan lakuan bahasa. Penerbitan buku ini dapat memberikan sumbangan kepada individu yang akan melibatkan diri dalam perbincangan kumpulan kecil terutamanya pelajar universiti. Manakala para pendidik boleh merujuk dapatan buku ini sebagai panduan apabila ingin menggunakan kaedah perbincangan kumpulan kecil dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Penghargaan diberikan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas sumbangan Dana Penerbitan Buku berkod DPB-2024-040 bagi menjayakan penerbitan buku ini.

Nur Afifah Adila Mohd Salleh
Maslida Yusof
Karim Harun